

26/06/2002

Tee Keat pertikai dua setiausaha MCA dilantik

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat sangsi dengan cadangan MCA melantik dua setiausaha pergerakan itu kerana ia bercanggah dengan perlembagaan parti.

Beliau berkata, tindakan itu boleh dipertikaikan kerana mengikut pelan damai Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kekosongan perlu diisi melalui rundingan dan dipersetujui kedua-dua pihak.

"Jika gagal capai persetujuan, jawatan itu perlu dibiarkan kosong. Bagaimanapun, kali ini walaupun gagal capai persetujuan, mereka tetap melantik dua setiausaha Pemuda.

"Sehingga kini, saya tidak jumpa dalam perlembagaan yang mengatakan boleh melantik dua orang untuk satu jawatan," katanya ketika di temui selepas mesyuarat Pergerakan Pemuda BN, di sini hari ini.

Ong berkata, perlembagaan parti juga menyatakan jawatan Setiausaha Pemuda MCA perlu dipilih dan bukan dilantik.

Beliau diminta mengulas cadangan MCA untuk melantik dua pemimpin bagi mengisi jawatan itu.

Semalam, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata cadangan yang dikemukakan Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota diluluskan Jawatankuasa Pusat (CC) selaras pelan damai mengembalikan kestabilan dan perpaduan parti.

Mereka yang dilantik ialah bekas Naib Ketua Pemuda MCA, Loh Seng Kok dan bekas Timbalan Setiausaha pergerakan itu, Liow Tiong Lai.

Ong berkata, cadangan itu amat memmeranjatkan kerana membelakangkan perlembagaan parti yang secara jelas tidak ada sebarang artikel yang membolehkan dua orang dilantik memegang satu jawatan sekali gus.

"Keputusan ini dibuat Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota dan dibentangkan dalam mesyuarat CC semalam dan disahkan serta merta tanpa sebarang penjelasan rasional," katanya.

(END)